



**KENYATAAN AKHBAR  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SAMBUTAN HARI MALARIA  
PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2020**

Hari Malaria Sedunia disambut setiap tahun pada 25 April di seluruh dunia bagi menyatakan komitmen berterusan untuk pencegahan dan kawalan penyakit malaria. Pada tahun ini, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menetapkan tema sambutan adalah 'Sifar Malaria Bermula Dari Kita' (*Zero Malaria Starts With Me*).

Untuk makluman, Malaysia telah berjaya mengekalkan status sifar malaria manusia jangkitan tempatan (*indigenous*) sejak tahun 2018 lagi. Status berkenaan telah berjaya dikekalkan sepanjang tahun 2019 dan terkini setakat tempoh Januari hingga 18 April 2020. Kejayaan untuk kekal sifar sejak 2018 perlu diteruskan untuk tiga tahun berturut-turut bagi melayakkan Malaysia mendapatkan Pensijilan Eliminasi Malaria manusia jangkitan tempatan (*indigenous*) daripada WHO pada tahun 2021.

Walaupun Malaysia telah mencapai sifar malaria manusia jangkitan tempatan (*indigenous*) sejak 2018, namun malaria zoonotik yang berpunca dari monyet dan kes malaria import dari negara luar masih dilaporkan di negara ini. Pada tahun 2019, sebanyak 3,941 kes malaria daripada pelbagai punca telah dilaporkan di mana daripada jumlah tersebut, 3,223 (81.8%) kes adalah malaria zoonotik, 620 (15.7%) kes adalah malaria

import dan 98 (2.5%) kes adalah daripada lain-lain punca jangkitan. Pada tahun yang sama, sebanyak enam (6) kematian dilaporkan di mana kesemuanya melibatkan jangkitan kes malaria zoonotik daripada spesis *Plasmodium Knowlesi*.

Negara kini sedang berhadapan dengan pandemik COVID-19 yang memberi implikasi besar terhadap sistem penjagaan kesihatan awam termasuk kawalan penyakit berjangkit di mana kawalan penyakit malaria juga tidak terkecuali. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk menghalang penularan jangkitan COVID-19 telah dilaksanakan ke seluruh negara bermula 18 Mac 2020. Di samping melaksanakan aktiviti pencegahan jangkitan COVID-19, terdapat tindakan kritikal untuk pencegahan penyakit berjangkit lain termasuk malaria yang perlu diteruskan. Sehubungan itu, KKM telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan aktiviti kawalan dan pencegahan malaria tidak terjejas agar kejayaan yang dicapai oleh Malaysia sejak 2018 iaitu sifar malaria manusia jangkitan tempatan (*indigenous*) akan dapat dikekalkan.

Inovasi pencegahan malaria semasa tempoh PKP diwujudkan melalui modifikasi tindakan kritikal di lapangan dengan tujuan pencegahan jangkitan malaria di komuniti dan pada masa yang sama bagi memastikan anggota kesihatan sentiasa terlindung daripada jangkitan COVID-19. Di dalam hal ini, KKM mengutamakan semua kes dan wabak untuk diambil tindakan segera. Modifikasi kaedah kawalan vektor (nyamuk pembawa malaria) juga dilaksanakan dengan mengedarkan kelambu berubat dari rumah ke rumah bagi mengelakkan perhimpunan di dalam komuniti dan mengekalkan penjarakan sosial. Di samping itu, KKM juga memastikan bekalan peralatan untuk diagnosa dan ubat-ubatan malaria tidak terjejas. Saringan malaria di kalangan kumpulan berisiko juga masih diteruskan.

Sempena Sambutan Hari Malaria Sedunia tahun 2020, KKM berharap penglibatan komuniti dan agensi lain dalam pencegahan penyakit malaria dapat dipertingkatkan. Komuniti dinasihatkan agar melaksanakan tindakan seperti berikut:

- i. Penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman perlu mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti memakai pakaian yang melindungi keseluruhan badan daripada gigitan nyamuk dan menggunakan ubat penghalau nyamuk (*mosquito repellent*). Elakkan berada di luar rumah pada waktu malam;
- ii. Syarikat perladangan perlu memastikan pekerja mereka sentiasa dilindungi daripada gigitan nyamuk dengan membekalkan kelambu berubat dan melaksanakan aktiviti pencegahan malaria yang lain seperti semburan racun residual; dan
- iii. Penduduk perlu mendapatkan rawatan segera di klinik atau hospital berdekatan sekiranya mengalami gejala malaria seperti demam, sejuk menggigil, berpeluh dan lemah tubuh badan.

Bertindak sekarang, 'Sifar Malaria Bermula Dari Kita' (*Zero Malaria Starts With Me*).

**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
**Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia**

**25 April 2020**